

TUNTUTAN NO. TTPM-SAB-(B)-235-2024 DI KOTA KINABALU DI NEGERI SABAH
Pihak Yang Menuntut (“PYM”) : DATU MOHD SHARIF BIN INDAL JAYA
Pihak Penentang (“PP”) : MITSUBISHI MOTORS TBNC 3S CENTRE –
IRAMANIS

NOTA PROSIDING

Ringkasan Fakta Utama

PYM telah menghantar kenderaan milik isteri beliau berjenama Mitsubishi Outlander 2.4 dengan Nombor Pendaftaran ST6677A (“Kenderaan tersebut”) ke pusat servis PP pada 29^{hb} Februari 2024 kerana menurutnya terdapat beberapa kerosakan seperti kipas radiator yang tidak berpusing laju, *link stabilizer* dan *lower arm* yang menyebabkan masalah *body rolling*, *absorber mounting*, lampu kabus, cover bawah enjin dan *starter*. PYM telah membuat tuntutan di bawah warranti Kenderaan tersebut namun telah ditolak oleh PP atas sebab bahagian-bahagian yang disebutkan tadi masih dalam keadaan baik dan telah tamat jaminan atau *warranty*, di mana *warranty* telah luput pada 27^{hb} Februari 2024. Kini PYM ingin menuntut jumlah sebanyak RM7,000.00 daripada PP.

Dapatan Keterangan

Tribunal mengambil kira pernyataan-pernyataan PYM dan PP seperti berikut :-

1. PYM menyedari kerosakan *starter* Kenderaan tersebut pada 17th Februari, 2024, dan pada hari yang sama PYM menghubungi pomen PP dan memaklumkan mengenai kerosakan tersebut. PYM juga telah menghubungi pekerja PP pada 19^{hb} Februari, 2024 untuk memaklumkan kerosakan tersebut. Pada 23^{hb} Februari, 2024, PYM telah menghubungi Khidmat Pelanggan Mitsubishi Motors Malaysia untuk mengetahui status kelulusan tuntutan kerosakannya.
2. Pada 29th Februari, 2024, PYM menggunakan khidmat towing untuk ke pusat servis PP.
3. PP pula menyatakan bahawa juru teknik PP telah melakukan pemeriksaan ke atas kipas *radiator* dan juga menjalankan uji pandu Kenderaan tersebut tetapi telah mendapati tidak ada apa-apa kerosakan pada *link stabilizer* dan *lower arm*. Mengenai kerosakan *shock absorber*, PP telah pun menggantikan keempat-empat *absorber* tetapi tidak menggantikan *absorber mounting* kerana mempunyai bahagian getah oleh itu tidak boleh dituntut di bawah jaminan. Begitu juga dengan bahagian penutup bawah enjin, iaitu bahagian tersebut telah mengalami *wear and tear* setelah dipakai selama beberapa tahun. Ini boleh dilihat di dalam lampiran yang difailkan oleh PP di mana disebut di bawah perkara 3 : “*Other Items/Areas Not Covered : Fair wear and tear of any part, normal deterioration, discolouration, fading, flawing, ageing or damage to plated parts, paint coat, rubber parts, upholstery, leatherette and soft trim cause by daily use, wear and exposure.*”
4. PYM juga sepatutnya menghantar Kenderaan tersebut sejak 17^{hb} Februari, 2024 ke pusat servis PP bagi mendapatkan pemeriksaan yang lebih teliti dan bukannya hanya memberitahu mengenai masalah melalui pesanan elektronik sahaja. Malah, PYM juga tidak mengemukakan apa-apa laporan teknikal atau bukti kerosakan Kenderaan tersebut, hanyalah gambar-gambar dan descripsi dalam pesanan whatsapp.

Keputusan dan Sebab Keputusan

Maka, dengan huraian di atas, Tribunal dengan ini memutuskan untuk menolak tuntutan PYM di bawah Borang 10.

Salmi Zalinah Binti Abdul Rahim

Presiden

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia

24 Februari, 2025.